



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	21/7/2019	MUKA SURAT	:	11
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Guna kambing perangkap harimau

DUNGUN - Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Terengganu menggunakan kambing sebagai umpan untuk menangkap seekor lagi harimau yang didakwa berkeliaran di Kampung Besol Lama, Bukit Besi.

Ketua Pengarahnya, Datuk Abdul Kadir Abu Hashim berkata, kambing itu diletakkan dalam dua buah perangkap yang dipasang pada operasi hari ketiga semalam untuk menarik perhatian pak belang berkenaan.

Menurutnya, inisiatif memasang perangkap itu

sebagai langkah berjaga-jaga serta untuk melindungi kawasan kampung penduduk.

"Kalau ikut laporan ada dua ekor harimau (berkeliaran) di kawasan ini dan kita dah berjaya tangkap seekor.

"Jadi kita masih pasang (perangkap) ini dan kita akan pantau dalam tempoh seminggu," katanya ketika meninjau operasi itu di Kampung Besol Lama semalam.

Beliau berkata, pemantauan berterusan akan dilakukan di kawasan perangkap yang dikenali sebagai 'perangkap Wahab' berkenaan untuk memastikan ia berfungsi dengan baik.